

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PROGRAM VAKSINASI PEKERJA INDUSTRI PERUNCITAN DIPERLUASKAN DENGAN PEMBUKAAN EMPAT (4) LAGI PUSAT RiVAC DI LEMBAH KLANG

PUTRAJAYA, 17 Julai 2021 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ingin memaklumkan perkembangan terkini Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RiVAC) yang dilaksanakan secara kerjasama dengan Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) beserta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dan pemain industri peruncitan dan pengedaran.

Terkini, empat (4) lagi Pusat RiVAC telah diluluskan penubuhannya seperti berikut:

BIL	LOKASI PUSAT RiVAC	TARIKH MULA	KAPASITI MAKSIMUM (orang)
1	IOI City Tower, Putrajaya	26 Julai 2021	21,000
2	Petaling Jaya Performing Art Center, Bandar Utama	27 Julai 2021	21,000
3	Centro Mall, Klang	26 Julai 2021	21,000
4	AEON Mall, Nilai, Negeri Sembilan	Akan Diberitahu	21,000

Pusat RiVAC yang pertama yang terletak di Mid Valley Exhibition Center boleh menampung 31,500 orang. Dengan pembukaan empat (4) lagi Pusat RiVAC, Kementerian menjangkakan 105,000 orang pekerja dari sektor peruncitan akan menerima vaksinasi sepenuhnya sebelum 31 Ogos 2021.

Penambahan PPVIN melalui Pusat RiVAC ini akan mempercepatkan pencapaian objektif Operation Surge Capacity yang baru diumumkan oleh YB Menteri MOSTI yang menyasarkan 100% penduduk Lembah Kelang akan menerima vaksinasi sekurang-kurangnya dos pertama menjelang 1 Ogos 2021.

Vaksinasi merupakan solusi dan pemangkin untuk menjayakan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dengan menyediakan persekitaran yang selamat dan terjamin. Semua pekerja yang menyantuni pengguna dan menyediakan persiapan logistik dalam premis perniagaan sekurang-kurangnya telah membina sebahagian imuniti yang diperlukan dari dos pertama vaksinasi yang diterima yang sekaligus mengurangkan risiko penularan termasuk pengguna dan ahli keluarga mereka.

Justeru itu, Kementerian menyeru agar semua syarikat sektor peruncitan termasuk pasaraya, kedai runcit, stesen minyak, restoran, bengkel, kedai *hardware*, kedai gunting rambut dan lain-lain sektor peruncitan untuk menyertai RiVAC dan mendaftar untuk mendapatkan vaksinasi untuk pekerja mereka seberapa segera.

Kementerian sedang menimbangkan untuk menjadikan vaksinasi semua pekerja sesebuah syarikat sebagai salah satu pra-syarat untuk kelulusan beroperasi syarikat tersebut dalam PPN terutamanya bagi aktiviti ekonomi yang melibatkan sentuhan dan interaksi bersemuka secara berdekatan.

Maklumat lanjut dan pendaftaran boleh dibuat melalui portal KPDNHEP (<https://rov.kpdnhep.gov.my/rov>) atau berhubung terus Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP) di talian 03- 8882 5881/ 5905 atau melalui emel kepada rov@kpdnhep.gov.my.

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna
PUTRAJAYA, 17 Julai 2021**

#####

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampunkan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapi dan ke arah self-regulated, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusanniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi-agensi di bawah KPDNHEP:



